

Program integrasi pelajar dimantap

BH- 11/4/2007

PUTRAJAYA: Semua sekolah termasuk sekolah kurang murid (SKM) wajib melaksanakan segera program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (Rimup) bagi memantapkan integrasi pelajar pelbagai kaum, sejajar teras pertama Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PTPP), iaitu membina negara bangsa.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Hon Choon Kim, berkata Kabinet sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM25.8 juta pada 10 Januari lalu bagi mengatasi masalah kewangan yang sering dijadikan alasan oleh pihak sekolah sebagai penghalang pelaksanaan program itu sebelum ini.

"Peruntukan wang yang diperlukan sudah disediakan, maka kita tidak akan menerima lagi apa-apa alasan daripada pihak sekolah.

"Oleh itu, guru besar, guru, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Ahli De-

wan Undangan Negeri, masyarakat dan pelajar perlu memberikan kerja sama bagi melaksanakan program Rimup," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa Rimup, di sini, semalam.

Program Rimup dilancarkan pada 1986 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang ketika itu Menteri Pelajaran, tetapi gagal dilaksanakan akibat masalah teknikal.

Ia diwujudkan semula pada Julai 2005 dengan penyertaan 1,387 sekolah rendah dan 540 sekolah menengah.

Program Rimup mengandungi lima modul iaitu kegiatan kecemerlangan dan akademik, kesukanan dan permainan, kokurikulum, khidmat masyarakat dan meningkatkan patriotisme.

Mengulas lanjut, Hon berkata, kira-kira RM2.4 juta daripada perun-

tukan itu akan digunakan untuk melatih 9,938 guru dan pegawai kementerian, manakala RM8.4 juta bagi pelaksanaan e-integrasi, iaitu kegiatan tambahan yang diperkenalkan dalam Rimup.

Bellau berkata, penganjuran program Rimup dilaksanakan mengikut kumpulan dengan menggabungkan

sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan yang berhampiran bagi membolehkan pelajar pelbagai kaum bergaul.

Katanya, Kumpulan A membabitkan sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan Cina (SJJC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT), manakala kumpulan B (SK dan SJJC), kumpulan C (SK dan SJKT) dan kumpulan D (SJJC dan SJKT).

Sebanyak 1,387 kumpulan akan menganjurkan program Rimup pada peringkat sekolah rendah, manakala 540 kumpulan pada peringkat sekolah menengah.

"Dua program utama sempena ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara juga sudah dirancang, iaitu perhimpunan ketua dan pemimpin pelajar di Perak pada Ogos ini dan kem integrasi untuk murid sekolah rendah pada Jun ini di Johor," katanya.

FAKTA NOMBOR

Penyertaan Program Rimup

1,387
Sekolah rendah

540
Sekolah menengah